



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KERJA BAGI MENINJAU KEMAJUAN BERBAGAI AKTIVITI PERTANIAN DI DAERAH BELAIT

Sabtu, 27 Zulhijjah 1439H bersamaan 8 September 2018

Daerah Belait

Rombongan ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018 dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Ilmu 2018 pada hari ini, Sabtu, 8 September 2018 telah mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Kemajuan Pertanian yang terdapat di Daerah Belait, Negara Brunei Darussalam.

Lawatan tersebut adalah kesinambungan kepada program lawatan kerja yang terdahulu diadakan pada bulan Julai 2018 yang lalu, yang mana antara lain bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan meninjau perkembangan berbagai aktiviti pertanian di Daerah Belait sebagai persediaan bagi menganjurkan Majlis Ilmu 2018 sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke -72 Tahun; yang mana Majlis Ilmu 2018 ini akan memberi fokus kepada bidang ekonomi dengan memberi tumpuan kepada bidang pertanian dan projek-projek tertentu.

Turut hadir ialah

- Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali Bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018;
- Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Matsatejo bin Sokiaw, Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian selaku Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018;
- Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @Maidin, Timbalan Mufti Kerajaan; dan
- Yang Mulia Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2018.



- 2 -

Rombongan juga disertai sama oleh Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan juga selaku Ketua Kampung Labi I, Mukim Labi, Daerah Belait; Yang Mulia Awang Haji Md Yusop bin Haji Mahmud, Pemangku Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan selaku wakil kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan ke -2 yang juga selaku Timbalan Pengerusi Bersama Majlis Ilmu 2018; dan Yang Mulia Dr Abby Tan Chee Hong, Assistant Vice Chancellor (VC) of Research, Universiti Brunei Darussalam (UBD) selaku wakil kepada VC UBD yang juga selaku ahli JK Pandu Majlis Ilmu 2018.

Rombongan memulakan lawatan ke ladang Syarikat Warisan Jasa, milik Datin Hajah Hazizah bte Hj Adam di Kampong Rampayoh yang mengusahakan penanaman padi, tanaman buah-buahan, penternakan ikan air tawar dan penternakan kambing dan itek. Ladang seluas 22.50 hektar itu, telah diusahakan sejak tahun 2000 dengan tanaman padi, tanaman buah-buahan dan pemeliharaan ternakan kambing dan itik. Penternakan itek adalah bagi menghasilkan telur-telur yang digunakan bagi menghasilkan telur-telur masin. Sehingga bulan Julai 2018, ladang-ladang berkenaan telah berjaya menghasilkan kira-kira 13.85 tan metrik padi; 1.52 tan metrik buah-buahan dan 2,842 paket telur masin, serta menjual 3 ekor kambing, yang bernilai keseluruhannya kira-kira \$36,241.00.

Lawatan diteruskan ke ladang Syarikat Pertanian Tropikal Utama. Syarikat ini sedang bergiat aktif dalam penanaman pelbagai jenis tanaman di atas tanah seluas kira-kira 19 hektar bertempat di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Rampayoh, Mukim Labi, Daerah Belait. Awang Yong Khian Fook, pemilik dan pengurus ladang mula mengusahakan ladang tersebut pada tahun 1995 dengan keluasan 14 hektar dan menambah seluas 5 hektar lagi pada tahun 2000. Di antara jenis tanaman yang diusahakan oleh ladang tersebut termasuklah tanaman buah-buahan seperti nenas, nangka, cempedak dan lain-lain lagi. Ladang berkenaan juga mengusahakan tanaman kopi serta pelbagai jenis tanaman dan sayur-sayuran. Lebih 10,000 pokok kopi telahpun ditanam diladang tersebut dan berhasrat untuk menambah tanaman pokok kopi dengan kira-kira 5,000 pohon lagi memandangkan permintaan hasil-hasil kopi yang menggalakkan. Sehingga bulan Julai 2018, ladang tersebut telah menghasilkan kira-kira 2.46 tan metrik buah-buahan, kopi dan pelbagai jenis tanaman.



- 3 -

Lawatan seterusnya ialah ke ladang tanaman padi KKP Lot Sengkuang, yang dikendalikan oleh penduduk-penduduk dari sekitar Mukim Labi. Ladang ini merupakan salah satu kawasan penanaman padi terbesar di Daerah Belait, selain KKP bagi penanaman padi tunggal yang aktif di daerah ini dengan kawasan seluas 300 hektar, dan menjadi pengeluar terbesar beras di daerah Belait. Pada musim penanaman padi 2017/2018, ladang padi ini telah berjaya menghasilkan kira-kira 34.39 tan metrik padi.

Lawatan diteruskan lagi ke ladang Syarikat Asia Enterprise milik Awg Chai Yum Fatt bertempat di Jalan Singap, Merangking, Mukim Bukit Sawat, daerah Belait. Tapak ini mula diusahakan pada tahun 2017, sebagai projek rintis di atas tapak seluas 20 hektar. Pada masa ini, lebih 2,300 pohon pokok buah-buahan telah ditanam diladang tersebut. Diantara jenis tanaman yang ditanam di ladang tersebut ialah durian, rambutan, pulasan, durian belanda, langsung, mangga, longan dan avokado; dan termasuklah juga jenis buah-buahan tidak bermusim seperti nenas, pisang, papaya, limak kesturi dan lain-lain lagi. Pada peringkat permulaan ini dan sehingga bulan Julai 2018, ladang berkenaan telah mula menghasilkan kira-kira 2.94 tan metrik buah-buahan dan pelbagai jenis tanaman dan sayur-sayuran.

Lawatan seterusnya ialah ke ladang Syarikat Marsya Farm milik Awg Hj Muliadi bin Moxin, bertempat di kawasan kemajuan pertanian Sungai Liang, Mukim Sungai Liang, Daerah Belait. Ladang yang berkeluasan 2.0 hektar ini telah diusahakan dengan berbagai jenis tanaman sayur-sayuran dengan menggunakan sistem hidroponik dan rumah terlindung. Disamping itu, ladang ini juga mengendalikan tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti melon dan juga pelbagai jenis tanaman menggunakan sistem fertigasi bagi meningkatkan lagi hasil pendapatan dari ladang berkenaan. Sehingga bulan Julai 2018, ladang berkenaan telah menghasilkan kira-kira 36.32 tan metrik sayur-sayuran, 3.57 tan metrik buah-buahan dan 8.89 tan metrik pelbagai tanaman, yang keseluruhannya bernilai kira-kira \$232,486.00. Sebahagian besar hasil-hasil ladang dipasarkan melalui pasaraya-pasaraya tempatan seperti Supasave, Soon Lee, Hua Ho dan Giant Supermarket.

Lawatan kerja berakhir di ladang ternakan kambing Syarikat Brugoat Farming and Trading Sdn Bhd yang terletak di Kampong Gana, Mukim Sungai Liang, daerah Belait. Syarikat ini mula bergiat dalam penternakan kambing pada tahun 2015 di atas tapak tanah persendirian seluas 2.10 hektar dengan



- 4 -

menggunakan sistem pemeliharaan secara intensif (*cut & carry*). Terdapat 8 buah kandang iaitu 6 buah kandang utama dan 2 buah kandang anak. Kapasiti bagi sebuah kandang boleh menempatkan sebanyak 400 - 500 ekor kambing tertakluk kepada panjang reban tersebut. Jenis-jenis kambing yang dipelihara termasuklah dari jenis Boer dan kambing biri-biri jenis Dorper, yang diimport dari negara Australia. Pengurusan pemakanan ternakan kambing dan biri-biri diusahakan dengan pemberian rumput *fodder* (jenis Napier dan Para) dan makanan tambahan *pelleted feed*, konsentrat dan silage (rumput yang diawet bagi meningkatkan tahap penyerapan bagi haiwan ternakan). Pemilihan pemakanan yang teratur, bersih dan seimbang adalah penting untuk memastikan kesihatan dan pertumbuhan yang optima serta mengelakkan daripada jangkitan penyakit berjangkit. Sehingga bulan Julai 2018, pihak syarikat telah menjual kira-kira 231 ekor kambing dengan berat purata badan 25 kg ke 50 kg, dan bernilai kira-kira \$103,500.00. Syarikat berkenaan juga berhasrat untuk mengeksport kambing-kambing mereka keluar negara dimasa depan.

/TAMAT

Disertakan.....

Profil Pengusaha : Syarikat Warisan Jasa
Syarikat Pertanian Tropikal Utama
KKP Lot Sengkuang
Syarikat Asia Enterprise
Syarikat Marsya Farm
Syarikat Brugoat Farming and Trading Sdn Bhd